

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Mengapakah _____ menangis?” tanya Damia kepada Sarah.
- A beginda
 - B mereka
 - C kalian
 - D awak
- 2 “Rasa pisang ini agak _____ kerana belum cukup masak,” terang opah kepada Wafi.
- A pahit
 - B kelat
 - C masin
 - D masam
- 3 *Pilih ayat yang betul.*
- A Pemeriksaan ini adalah untuk memastikan keselamatan negara terjamin.
 - B Buku cerita ini adalah kepunyaan Amni dan adiknya.
 - C Nama ibu saya adalah Umi Kalsom.
 - D Ayah saya adalah anggota polis.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Datuk menggerak-gerakkan tangannya ke atas, ke hadapan, ke kiri, dan seterusnya ke kanan. Pergerakan itu dilakukan oleh datuk secara berulang kali dalam keadaan duduk. Selepas itu, datuk mengangkat kakinya dan melakukan pergerakan seperti sedang mengayuh basikal secara perlahan-lahan.

Aktiviti senaman itu menjadi rutin harian datuk untuk mengekalkan kecergasannya. Walaupun datuk sudah berusia, namun beliau masih aktif. Menurut artikel yang pernah aku baca, terdapat banyak kebaikan bersenam. Selain dapat meningkatkan kekuatan otot dan melancarkan peredaran darah, aktiviti senaman juga dapat mengurangkan proses penuaan.

- 4 Mengapakah datuk menggerak-gerakkan tangan dan kakinya?
- A Datuk bersenam.
 - B Datuk ingin menjadi muda.
 - C Datuk meluangkan masanya.
 - D Datuk ingin mengayuh basikal.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A 'Aku' dan datuk mengayuh basikal.
 - B Senaman mesti dilakukan dalam keadaan duduk.
 - C Datuk melakukan aktiviti senaman pada setiap hari.
 - D Datuk membaca artikel tentang kebaikan bersenam.
- 6 Berikut merupakan manfaat bersenam berdasarkan petikan *kecuali*
- A mengekalkan kecergasan.
 - B meningkatkan kekuatan otot.
 - C melancarkan peredaran darah.
 - D menghentikan proses penuaan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Joana telah memenangi pingat emas dalam acara lumba lari di sekolahnya. Dia kemudiannya memuat naik gambar ketika menerima pingat tersebut di laman sosial. Niat Joana hanya ingin berkongsi kejayaannya dengan harapan agar cerita tersebut dapat dijadikan inspirasi kepada orang lain.

Namun demikian, ada individu yang telah menulis kata-kata kesat dan menghina Joana. Dia berasa sungguh sedih. Dia amat terkesan dengan kata-kata penghinaan tersebut. Rakan-rakan Joana memujuk Joana dan memintanya supaya bersabar. Mereka menasihati Joana agar membuat *laporan* tentang kes buli siber yang dialaminya kepada pihak yang berkenaan.

BAHAN 2

HENTIKAN BULI SIBER

Adakah anda

-diancam

-diugut

-dihina

-dimalukan

di laman sosial?

Jadilah penegak keadilan.
Pertahankan mangsa buli siber
daripada terus dibuli. Laporkan
kes buli siber kepada orang
dewasa yang dipercayai atau
kepada pihak berkuasa.

Sila layari pautan aduan
skmm.gov.my
untuk membuat *laporan*
tentang kes buli siber.



- 7 Joana berasa amat sedih kerana
- A gagal menjadi inspirasi kepada orang lain.
 - B menyesali perkongsiannya di laman sosial.
 - C terkesan dengan penghinaan yang diterimanya.
 - D berjaya memenangi acara lumba lari di sekolahnya.

8

Dia kemudiannya memuat naik gambar ketika menerima pingat tersebut di

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah


- A butir
- B laras
- C bentuk
- D batang

9 Perkataan *laporan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A rungutan
- B siasatan
- C aduan
- D berita

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Joana mendapat pingat perak dalam acara lumba lari di sekolahnya.
- B Orang dewasa dapat melindungi seseorang daripada menjadi mangsa buli siber.
- C Rakan Joana merupakan individu yang telah menulis kata-kata kesat kepada Joana.
- D Laporan tentang kes buli siber dapat dilakukan dengan melayari pautan yang diberikan.



Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Puan Maya merupakan peniaga kraf tangan. Beliau mempunyai sebuah kedai yang terletak di Kompleks Seri Permai. Antara kraf tangan yang dijual termasuklah tenunan songket, anyaman, ukiran tembikar, batik, seni tekat dan banyak lagi.

Puan Maya melayan pelanggan dengan mesra dan memberikan perkhidmatan yang baik. Oleh sebab itu, banyak pelanggan suka datang ke kedai Puan Maya. Beliau sangat gembira melihat pelanggannya tersenyum riang membeli kraf tangan di kedainya.

(a) Kedai Puan Maya terletak di _____.

[1 markah]

(b) Mengapakah ramai pelanggan datang ke kedai Puan Maya?

[2 markah]

(c) Gariskan **satu kata ganti nama diri** yang terdapat dalam ayat diberi.

Beliau mempunyai sebuah kedai yang terletak di Kompleks Seri Permai.


[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Puan Maya melayan pelanggan dengan mesra dan memberikan perkhidmatan yang baik.

Pelanggan dilayan dengan mesra dan diberikan perkhidmatan yang baik oleh Puan Maya.	
Puan Maya dilayan dengan mesra dan diberikan perkhidmatan yang baik oleh pelanggan.	

[1 markah]



Soalan 2


Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Rajid telah berjanji dengan sahabat baiknya, Nazmi untuk menghadiri jamuan rumah terbuka pada hujung minggu ini. Namun, pada hari yang sama ayah Rajid telah mengajaknya ke Ipoh, Perak untuk menziarahi datuknya di kampung.

Jika kamu sebagai Rajid, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 markah]



Bahagian C


[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang amalan bagi memastikan badan sentiasa sihat.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kesihatan**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




[10 markah]

Bahagian D

[20 markah]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.*

Hari Sukan Sekolah



- 1 Tuliskan cerita tentang Hari Sukan Sekolah kamu.
ATAU
- 2 Tuliskan satu catatan Sambutan Hari Sukan Sekolah.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.